

Yaacob gesa pastikan kadar cerai tak naik

► IRMA KAMARUDIN

irmak@sph.com.sg

MESKIPUN kadar perceraian dan perkahwinan pasangan muda telah berkurangan sejak beberapa tahun lalu, masyarakat Melayu/Islam harus terus memantau dan memastikan angka tersebut tidak melonjak semula.

Demikian kata Menteri Perhubungan dan Penerangan, Dr Yaacob Ibrahim, semasa ditemui di Hari Keluarga Kelab Inspirasi, anjuran Hab Inspirasi, di Marina Barrage, semalam.

Ini kerana sebahagian besar perceraian dalam masyarakat Melayu/Islam merupakan pasangan berkahwin muda.

Oleh itu, Dr Yaacob berkata Hab Inspirasi, yang dikendalikan Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS) dan Angkatan Karyawan Islam (AMP), ditubuhkan bagi menyediakan program persediaan perkahwinan dan program membantu pasangan muda mengekalkan rumah tangga mereka.

Perangkaan Jabatan Statistik Singapura menunjukkan bahawa kadar perceraian dalam masyarakat Islam telah berkurangan sejak 2006 – daripada 1,782 pada 2006 kepada 1,587 tahun lalu.



INSPIRASI KEPADA KELUARGA: Dr Yaacob (*tengah*) mencuba permainan menjatuhkan tin di Hari Keluarga Kelab Inspirasi di Marina Barrage semalam, sambil diperhatikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PPIS, Cik Maznah Masop (*bertudung*) dan Pengarah Eksekutif AMP, Encik Anuar Yusop. – Foto TAUFIK A. KADER

“Saya rasa ini satu trend yang kita harus pantau, dan lebih penting lagi, kita mempunyai program bagi menangani trend sedemikian.

“Usaha daripada Hab Inspirasi kendalian PPIS dan AMP, serta usaha kita di

ROMM (Pejabat Pendaftaran Pernikahan Orang Islam) dan kumpulan masyarakat Melayu lain telah dapat memastikan orang ramai memahami bahawa perkahwinan itu bukan satu urusan mudah, tetapi satu komitmen sepanjang hayat

dan mereka perlu berusaha bagi menjayakannya,” kata beliau.

Dalam pada itu, demi memastikan Hab Inspirasi terus kekal relevan, Dr Yaacob berkata mereka telah merintis satu program baru bulan lalu bagi terus memberi bantuan kepada pasangan yang sudah berkahwin melebihi enam tahun.

Program baru itu, yang dipanggil Keluarga Gems (*Growing Every Marriage Towards Success*), dibangunkan hasil semakan Jawatankuasa Semakan Inspirasi (IRC).

Pengurus Pusat Inspirasi PPIS, Cik Fajariah Saban, berkata program itu memberi tumpuan kepada kemahiran keibubapaan dalam mendidik anak-anak serta pembangunan kanak-kanak.

Sementara ibu bapa akan diajak menyertai bengkel seperti membesarkan dan mendidik anak dan bengkel kewangan, anak-anak pula berpeluang menyertai program pembangunan seperti kegiatan bercerita, celik huruf dan celik angka.

Sejauh ini, lima pasangan telah menyertai program perintis itu, yang akan diperluaskan untuk merangkumi lebih ramai pasangan pada tahun depan.